

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan laporan semasa pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara dalam membantu negara kita keluar dari krisis pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada 26 Julai 2021 sebagai *exit strategy* untuk negara keluar daripada kemelut COVID-19 secara berperingkat dan selamat. Bagi memastikan PPN dilaksanakan secara berkesan, Kerajaan telah mewujudkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang bertanggungjawab untuk memacu pelaksanaan PPN selaras dengan pendekatan “Seluruh Negara” (*Whole of Nation*) yang diguna pakai Kerajaan dalam menggembelng usaha setiap lapisan masyarakat untuk bersama-sama memerangi pandemik COVID-19.

2. MPN ditubuhkan dengan komposisi keanggotaan yang menyeluruh meliputi Menteri-menteri Kabinet dan Pengurusan Tertinggi Kerajaan yang berkaitan, wakil-wakil Ahli Parlimen daripada blok Kerajaan, Pembangkang dan Bebas, tokoh-tokoh serta pakar industri daripada sektor swasta yang mewakili pelbagai bidang ekonomi, kesihatan,

perbankan, pendidikan, komunikasi, pelancongan, sosial serta Pertubuhan Bukan Kerajaan. MPN juga akan bertindak dengan kolaborasi erat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang akan kekal dengan fungsinya sebagai badan pembuat keputusan dalam pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP), dengan nasihat MPN. Status pelaksanaan PPN akan dipantau dan dilaporkan dalam setiap kali mesyuarat MPN diadakan.

3. Antara pencapaian di bawah PPN setakat hari ini adalah seperti:

a. **Kadar Vaksinasi**

Setakat 17 September 2021, peratusan jumlah penduduk dewasa yang telah lengkap divaksinasi adalah sebanyak 77.5% atau melebihi 18 juta orang dan sebanyak 93.1% atau 21 juta individu telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos.

b. **Peralihan fasa di negeri-negeri seluruh negara.**

Selaras dengan pengumuman PPN pada 26 Julai 2021, beberapa negeri berjaya menunjukkan kemajuan positif dengan mencapai penurunan kes yang ketara serta kadar penggunaan wad ICU yang menurun kepada tahap mencukupi dan sederhana. Beberapa negeri juga berjaya mencapai nilai ambang yang ditetapkan untuk beralih fasa seperti Negeri Sembilan daripada fasa 3 kepada fasa 4, Pahang daripada fasa 2 kepada fasa 3, dan Johor daripada fasa 1 kepada fasa 2.

c. **Penurunan kes baharu dan kes kematian di Lembah Klang.**

Penubuhan *Greater Klang Valley Special Task Force* (GKV STF) telah berjaya mengurangkan tempoh menunggu di wad kecemasan bagi pesakit COVID-19. Terdapat penurunan mendadak daripada 1,600 kes pada awal Ogos ketika pasukan itu ditubuhkan, kepada 120 kes untuk kesemua wad kecemasan di hospital dalam Lembah Klang.

**d. Pembukaan semula sektor ekonomi dan akitiviti sosial secara berfasa.**

Kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk pembukaan semula 14 sektor ekonomi bermula 16 Ogos 2021. Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira indikator dan penilaian risiko yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang telah menunjukkan penurunan kes secara bersasar.

**e. Kelonggaran sekatan kepada penerima lengkap vaksin.**

Kerajaan telah mengumumkan kelonggaran sekatan atau kemudahan yang diberikan kepada penerima lengkap dua dos vaksin secara berperingkat. Kelonggaran ini termasuk kebenaran '*dine-in*' di restoran, kedai makan dan *club house* serta aktiviti solat di masjid dan surau serta rumah ibadat bagi bukan Islam dibenarkan untuk penerima dua dos vaksin sahaja. Kelonggaran SOP ini adalah merupakan satu pemulaan kepada pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial dan menggalakkan rakyat untuk mendaftar dan mendapatkan vaksin secepat mungkin.

Sekian, terima kasih.